

Membalas Budi

Daripada Ibn Umar R.Anhuma daripada Nabi SAW bersabda:

مَنْ اسْتَعَاذَكُمْ بِاللَّهِ فَأَعِيذُوهُ، وَمَنْ سَأَلَكُمْ بِاللَّهِ فَأَعْطُوهُ، وَمَنْ أَتَى إِلَيْكُمْ مَعْرُوفًا فَكَافَيْتُوهُ، فَإِنْ لَمْ تَجِدُوا فَادْعُوا لَهُ

Maksudnya: "Siapa yang meminta pertolongan kepadamu kerana Allah, maka lindungilah ia. Siapa yang meminta kepadamu kerana Allah, maka berilah ia. Siapa yang memberi kebaikan kepada kamu, balaslah ia, jika kamu tidak mampu membalas, berdoalah untuknya dengan kebaikan."

Riwayat al-Baihaqi (4/199) dan Abu Daud (1672)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, *jasa* ialah *pekerjaan baik (kepada negara, raja, orang dan lain-lain) dan bakti*. Sedangkan *berjasa* pula ialah *berbuat kebaikan, berbakti, berhasil, berfaedah dan berharga*.
2. Islam mengajar supaya manusia sentiasa ingat kepada jasa yang diberikan kepadanya apatah lagi daripada Allah sebagai pemberi nikmat yang hakiki. Cara membalas jasa dan bersyukur kepada-Nya ialah dengan mengabdikan diri kepadanya sama ada melalui ibadah fardu ataupun ibadah sunat. Begitu juga segala arahannya dan suruhan-Nya hendaklah dijunjung dan dipatuhi.
3. Seterusnya jika sesama manusia apabila sesuatu kebaikan dikurniakan kepadanya oleh seseorang selayaknya dan sewajarnya dibalas dengan pemberian yang setaraf dan jika tidak mampu hendaklah berazam untuk membalasnya.

4. Jika sekiranya dia dalam keadaan daif dan naif, ucapan terima kasih dan juga berdoa untuk yang memberi amatlah penting. Ini bukan sahaja boleh menceriakan suasana tetapi mengukuhkan lagi institusi kemasyarakatan sesama manusia di samping sifat tolong menolong merentasi segala-galanya sehingga menjadi budaya dalam masyarakat.
5. Adapun sesama makhluk jika kedua ibu bapa maka hendaklah berbakti, berbuat baik dan bercakap dengan sopan serta menunaikan hajat mereka mengikut kemampuan.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Kebaikan yang terdapat dalam apa yang anda benci lebih banyak daripada yang terdapat yang anda suka, kerana anda tidak mengetahui akibat yang akan terjadi. Betapa banyak kenikmatan yang tersembunyi dalam kesulitan dan betapa banyak kebaikan yang tersembunyi di sebalik baju keburukan.
- ❖ **Pujangga berkata:** Orang yang sudah boleh merasakan nikmat-nikmat Allah pada dirinya berkewajipan untuk mengikatnya dengan syukur, menjaganya dengan ketaatan dan memeliharanya dengan tawaduk. Agar nikmat-nikmat itu boleh harmoni.

Kisah Teladan

Uthman bin Affan RA ketika menyedekahkan hartanya untuk berjuang di jalan Allah SWT kerana didorong oleh rasa cinta kepada Allah SWT dan didorong oleh rasa pengharapan kepada keredaan Allah SWT, maka pahala yang akan diperolehi adalah apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW: *“Ya Allah redailah Uthman kerana sesungguhnya aku telah meredainya. Mulai hari ini apa yang dilakukan oleh Uthman tidak akan merugikannya (Dia boleh berbuat apa yang dia mahu dan Allah telah mengampuninya).”*

Sesungguhnya Uthman bin Affan RA telah mempersiapkan pasukan perang untuk membantu kaum Muslim. Kemudian, pertama kali Uthman RA menceduk air dari perigi tersebut untuk diberi minum kepada kaum Muslim demi memperolehi keredaan Allah SWT dan demi berlumba-lumba dalam membuat kebaikan.